

20/07/2002

## Pertemuan ilmuwan Melayu-Cina

Saring Sirad

PERTEMUAN penulis dan ilmuwan Melayu-Cina yang berlangsung di Rumah Gapena di Kuala Lumpur baru-baru ini mempunyai hikmah tersendiri dan amat bermakna serta dapat dimanfaatkan dalam memperjuangkan bahasa dan sastera tanah air.

Sepatah kata Ketua Satu, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Tan Sri Prof Emeritus Ismail Hussein, setelah 32 tahun Gapena wujud, baru itulah dapat bertemu dengan penulis dan ilmuwan serta cendekiawan Cina.

Seramai 16 ilmuwan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina hadir pada pertemuan itu dan memberi pandangan mengenai arah perjuangan mereka.

"Mungkin ini bukan saja satu malam yang bersejarah tetapi juga mengandungi hikmah yang bakal dapat membawa hubungan lebih baik dan akrab dalam perjuangan yang sama pada masa depan," kata Ismail dalam perbincangan yang berlangsung secara tertutup.

Pertemuan itu diadakan bagi membincangkan bersama isu cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains di semua peringkat sekolah mulai 2003 ekoran daripada forum anjuran Pena mengenai perkara sama sebelum itu.

Kebanyakan peserta sependapat kerajaan tidak wajar mengarahkan penggunaan bahasa Inggeris dalam kedua-dua mata pelajaran terbabit dengan alasan pelajar Melayu lemah dalam bahasa Inggeris dan jika penguasaan bahasa itu mahu ditingkatkan, sistem pendidikan sedia ada tidak perlu diubah.

Seorang peserta (namanya tidak boleh disiarkan) tidak bersetuju kemerosotan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu dijadikan sebagai alasan untuk mengubah semua sistem pendidikan dan dimulai dengan mata pelajaran Matematik dan Sains.

Katanya, ada banyak cabang dalam mata pelajaran Sains dan jika ia diterima, secara langsung ia bakal menghapuskan bahasa Melayu dalam pendidikan serta seterusnya bahasa Melayu akan lenyap dalam jangka panjang.

Peserta lain berpendapat, sekiranya kerajaan ingin melaksanakan cadangan itu, ia perlu disertakan dengan kajian serta bukti kukuh dan kerajaan perlu membuktikan pengajaran bahasa Inggeris menerusi Matematik dan Sains, membolehkan rakyat dan negara maju.

"Rakyat di Iceland, Jerman, Denmark dan Belanda tidak pernah menggunakan bahasa Inggeris di sekolah tetapi mengapa negara itu maju. Sudahkah kerajaan membuat kajian?" katanya.

Beliau berkata, bahasa Inggeris bukan bahasa dunia tetapi ia adalah bahasa petani yang diperjuangkan kemudiannya oleh pejuang bahasa menerusi karya sastera dan ia bukan bahasa ilmu.

Seorang peserta bukan saja terkejut mengenai cadangan itu apabila beliau membaca akhbar, tetapi menggigil seluruh badan kerana ia adalah satu langkah yang tidak praktikal.

"Sudah berpuluh tahun bahasa Kebangsaan menjadi bahasa pengantar di sekolah dan murid terutama bukan Melayu sudah memahami jikapun tidak mahir menggunakan bahasa Melayu, dengan tiba-tiba saja mahu ditukar," katanya dan menambah, "nahas!"

Beliau mendakwa, pelajar bukan Melayu khususnya Cina di kampung mereka tidak berbahasa Inggeris kerana di kampung tiada siapa berbahasa Inggeris

kecuali menggunakan bahasa ibunda (Kebangsaan) dan dengan sekelip mata mahu ditukar ke bahasa Inggeris adalah sesuatu yang menggugat.

Peserta lain tidak bersetuju cadangan penggunaan bahasa Inggeris digunakan dalam kedua-dua mata pelajaran dan ia patut bukan saja ditangguh tetapi ditarik balik.

Beliau memberi alasan, perubahan secara mendadak tanpa kajian terperinci akan menjadi sia-sia dan jika tidak betul akan menyusahkan di belakang hari kerana jika hendak berpatah balik mengambil masa yang panjang.

"Yang penting adalah ilmu, bagaimana hendak mendapat atau menyampaikan ilmu jika untuk memahami bahasa dalam mata pelajaran itu juga tidak berkeupayaan," katanya.

Seorang tokoh ilmuwan turut tidak bersetuju dengan cadangan itu berasaskan kepada tiadanya data membuktikan pelajar Melayu khasnya lemah bahasa Inggeris dan perlu melaksanakan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran matematik dan sains.

"Saya mempunyai ramai pelajar daripada aliran Melayu tetapi mereka mendapat kelulusan baik dari universiti di luar negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

"Oleh itu adalah satu yang janggal jika mendakwa kelemahan bahasa Inggeris disebabkan penggunaan bahasa Melayu dalam matematik dan sains," katanya.

Peserta lain mendakwa bahawa mereka tidak menentang mempelajari atau menggunakan bahasa Inggeris tetapi janganlah mengorbankan mata pelajaran yang sudah diamalkan berpuluh tahun dalam bahasa Melayu.

"Jika ia mahu dilaksanakan perlu diberi tempoh lebih lama dan bukan secara mendadak pada 2003," katanya.

Langkah kerajaan bercadang melaksanakan perkara itu tidak lebih seperti pencuri loceng yang khuatir diketahui orang lain kerana apabila loceng itu diangkat dan dibawa ia akan berbunyi.

Justeru, katanya, beliau menyumbat lubang telinga dan tidak mendengar loceng itu berbunyi tetapi orang lain tetap mendengarnya.

"Saya ingin menyatakan bahawa janganlah ingat rakyat tidak tahu tujuan cadangan itu - kita tahu," katanya.

Bagaimanapun, pertemuan itu diakhiri dengan rumusan bersetuju menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad di antaranya:

"Kami di sini mengambil ketetapan agar keputusan menggunakan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah/institusi ditangguh/ditarik balik agar:

"1. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa moden dan bahasa ilmu dapat terus ditingkatkan.

2. Usaha puluhan tahun dan seterusnya (oleh DBP dan ilmuwan) untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam bidang ilmu, terutama Sains dan teknologi tidak terbantut dan sia-sia.

"Usaha meningkatkan penguasaan bahasa asing (termasuk Inggeris) tidak ditolak malah disokong penuh, tetapi hendaklah dengan pendekatan yang sesuai dengan sifat masalah itu sendiri, tanpa menjejaskan dasar atau mengorbankan dasar pemuliharaan jati diri kebangsaan."